

Sinar Harian 19/8/2018 m/s 39

Ikan mahal sebab kurang bekalan

MANJUNG - Kesukaran bot berlabuh kerana muara cetek dan kemudahan infrastruktur tidak lengkap di jeti pelabuhan bukanlah faktor utama harga ikan mahal di Terengganu.

Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Raja Kahalid Raja Arifin berkata, sebaliknya masalah kekurangan bekalan ikan adalah punca kepada kenaikan harga ikan mengikut musim tertentu.

"Isu ikan mahal di Terengganu malah seluruh negara adalah disebabkan masalah sifat tangkapan itu sendiri kerana ikan ini bermusim, apabila berlaku lambakan ikan maka harganya murah.

"Namun semasa tangkapan kurang akibat faktor kekurangan sumber bekalan dan cuaca harga ikan akan menjadi mahal," katanya kepada pemberita selepas Program Jalinan Kasih KD Sri Manjung bersama LKIM Perak dan Masyarakat Nelayan di Jeti Kampung Nelayan Batu 1, di sini semalam.

Terdahulu, Exco Kerajaan Negeri Terengganu memaklumkan kesukaran bot berlabuh kerana masalah muara cetek dan kemudahan infrastruktur tidak lengkap di jeti pelabuhan dalam negeri itu menyebabkan nelayan mendaratkan hasil tangkapan mereka di luar negeri berkenaan hingga membawa kepada harga ikan mahal.



Raja Kahalid (berdiri, tengah) bersama peserta dan nelayan pada program berkenaan.